



**KEWAJIPAN MARUAH INTEGRITI  
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan : UPNM(P)01.03/06 Jld. 2 ( 3 )

Tarikh : 30 November 2017

Semua Staf,  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
Kem Sungai Besi,  
Kuala Lumpur

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 2 TAHUN 2017  
PEMBAYARAN GANJARAN TAMAT KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*)  
KEPADA STAF AKADEMIK BUKAN WARGANEGARA UNIVERSITI PERTAHANAN  
NASIONAL MALAYSIA**

---

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 3 Tahun 2017 yang telah bersidang pada 28 September 2017 berhubung kelulusan pembayaran ganjaran tamat kontrak (*contract of service*) kepada staf akademik bukan warganegara di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008 ganjaran / graduiti merupakan salah satu faedah tamat perkhidmatan yang dibayar kepada staf yang telah menamatkan perkhidmatan kontrak dengan memuaskan.
- 2.2 Staf yang telah meletakkan jawatan atas apa sebab sekalipun tidak layak dibayar ganjaran kecuali peletakan jawatan kerana mendapat tawaran pelantikan dalam sektor awam. Ini termasuk staf yang disyaratkan untuk mengikuti kursus pra perkhidmatan dalam sektor awam sebelum dilantik secara tetap.

- 2.3 Staf layak dibayar ganjaran jika perkhidmatan mereka ditamat atau dipendekkan oleh agensi sebelum cukup tempoh yang ditetapkan kecuali penamatan atau pemendekan kontrak dibuat atas sebab tatakelakuan atau prestasi kerja yang tidak memuaskan.
- 2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah meneliti dan meluluskan supaya Jabatan Pendaftar menggunakan kaedah pembayaran ganjaran tamat kontrak diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh kontrak iaitu di hujung kontrak kepada staf akademik bukan warganegara.
- 2.5 Ini adalah rentetan daripada Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti (JKTK) yang memaklumkan kepada langkah penjimatan perlu dilakukan.

### 3.0 KAEDAH PELAKSAAN

Bayaran ganjaran tamat kontrak **hanya** akan diberikan sekali sahaja sepanjang kontrak iaitu di hujung kontrak kepada staf akademik bukan warganegara mulai lantikan baharu berkuatkuasa Ogos 2017, manakala lantikan staf kontrak sedia ada yang bermula bulan Januari 2017 tidak terlibat.

### 4.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Ogos 2017**

### 5.0 PENUTUP

Pekeliling ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan maka ianya tidak boleh dipanjangkan ke organisasi badan melantik yang baru.

### “KEWAJIPAN MARUAH INTEGRITI”

Saya yang menjalankan tugas,

  
**SARINA BINTI ABDUL RANI**

Pendaftar

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia